



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PENGARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA (*SUPERSCALE C*)
JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PENGARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA
JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
SUPERSCALE C (\$6,800 EB KHAS \$7,010)
KEKOSONGAN= SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Bangunan / Kejuruteraan Awam / Struktur atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. i) Telah berkhidmat di Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja sebagai Penolong Pengarah atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 10 tahun.
3. Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus "**Program Pembangunan Eksekutif**" di institusi-institusi tempatan ataupun luar negara atau kursus yang sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan.
4. Menjadi Ahli penuh kepada *Institution of Civil Engineer UK (ICE)*, *Institution of Chartered Builders (CIOB)* atau sebanding.
5. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab ke atas pengendalian projek-projek pembangunan dan fasalita yang berkaitan yang diperlukan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Unit Simpanan Gurkha;
2. Menyusun dan mengawal kerja-kerja pemeliharaan bangunan dan fasalita berkaitan yang terdapat di semua Perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Unit Simpanan Gurkha dan rumah-rumah sewa di bawah kawalan Kementerian Pertahanan;
3. Melaksanakan sebarang tugas yang diarahkan oleh Setiausaha Tetap (Pembangunan, Pemeliharaan dan Teknologi); dan
4. Menyusun pentadbiran semua pegawai dan kakitangan awam dan juga pegawai / anggota beruniform teknikal Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja.